

**SULIT**

**2611/2**

**Pendidikan Seni Visual**

**2611/ 2**

**Kertas 2**

**MEI 2011**

**3 Jam**



**JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU**

**PEPERIKSAAN OTI 1  
(PERTENGAHAN TAHUN)  
TINGKATAN 4  
2011**

---

**PENDIDIKAN SENI VISUAL**

**KERTAS 2**

**SENI HALUS**

**Tiga Jam**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI  
SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas ini mengandungi 6 soalan*
  2. *Jawab **satu** soalan sahaja*
  3. *Kertas soalan ini hendaklah diberikan kepada calon sekurang-kurangnya **seminggu** sebelum tarikh peperiksaan kertas ini.*
- 

**TERENGGANU NEGERI ANJUNG ILMU**

*Disediakan oleh:* GURU AKRAM NEGERI TERENGGANU      *Dengan kerjasama:* MPSM NEGERI TERENGGANU      *Dibiayai oleh:* KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

*Dicetak oleh:*

*Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.  
Tel: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063*

---

**Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak**

**(Lihat sebelah)**

**Arahan kepada calon**

- (a) *Kertas soalan ini hendaklah dibawa ke tempat peperiksaan pada hari yang ditetapkan. Tulis dengan terang Nama, Tingkatan, Nombor Kad Pengenalan, Mata Pelajaran, Nombor Soalan dan sediakan ruang Markah mengikut susunan yang ditetapkan di sudut kanan sebelah atas muka belakang lukisan anda (lihat gambar rajah di bawah).*

**Sudut kanan sebelah atas muka hadapan lukisan anda.**

The diagram shows a large rectangular drawing area. In the top right corner, there is a smaller rectangular box. To the left of this box, a vertical double-headed arrow is labeled '5CM'. Below the box, a horizontal double-headed arrow is labeled '8CM'. Inside the box, the following information is to be written:

NAMA: \_\_\_\_\_  
TINGKATAN: \_\_\_\_\_  
NO. KAD PENGENALAN: \_\_\_\_\_  
MATA PELAJARAN: \_\_\_\_\_  
NO. SOALAN: \_\_\_\_\_  
MARKAH: \_\_\_\_\_

- (b) *Hasil kerja anda hendaklah yang asli.*  
(c) *Hasil kerja anda itu hendaklah memenuhi atau hampir memenuhi kertas lukisan itu kecuali ruang 5 cm x 8 cm yang ditetapkan.*  
(d) *Anda tidak boleh menggunakan bahan pengilat atau syelek pada permukaan hasil kerja yang telah siap.*  
(e) *Keseluruhan hasil kerja hendaklah diwarnakan.*  
(f) *Anda bebas menggunakan apa jua teknik menggambar kecuali teknik semburan atau "assemblaj". Jika teknik kolaj digunakan, anda hendaklah menggunakan kertas berwarna, bahan terbuang yang nipis seperti kulit majalah dan perca kain yang dibawa sendiri.*  
(g) *Hasil kerja anda itu hendaklah dalam bentuk 2D sahaja.*

**SENI HALUS**

Jawab *satu* soalan sahaja

- 1 Seorang pemancing telah berjaya mendapat seekor ikan yang besar di sebatang sungai. Gambarkan suasana kegembiraannya sambil memegang ikan. Berikan penekanan terhadap jalinan, warna dan bentuk figura dan ikan.
- 2 Di atas meja terdapat beberapa helai kertas, sebatang pen, segelas air dan sebiji piring berisi biskut. Lukiskan gambaran berkenaan dari jarak dekat dengan memberi penekanan kepada bentuk, garisan dan ruang.
- 3 Seekor ayam jantan sedang mengais-ngais mencari makanan di dalam semak. Lukiskan dari sudut yang menarik dengan penekanan kepada aksi-aksi, bentuk, jalinan dan warna.
- 4 Makhluk asing yang berpakaian lengkap dan bersenjata canggih sedang bergerak keluar dari sebuah kapal angkasa. Satu daripada makhluk tersebut menggunakan kenderaan kecil. Lukiskan keadaan ini sebaiknya.
- 5 Seekor kucing sedang bermain dengan bebola tali. Gambarkan keadaan tersebut dengan memberi fokus kepada bentuk, aksi dan jalinan.
- 6 Lukiskan suatu pemandangan yang indah pada waktu senja di sebuah perkampungan nelayan. Hasilkan gubahan tersebut dengan memberi fokus kepada ruang, jalinan dan warna.

**KERTAS SOALAN TAMAT**